

NIISE ganti MyIMMs pada 2023

JOHORBAHRU: Sistem Imigresen Bersepadu Kebangsaan (NIISE) yang akan menggantikan Sistem Imigresen Malaysia (MyIMMs) untuk meningkatkan keupayaan pergerakan keluar masuk sempadan dijangka bermula 2023.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zainudin berkata, selepas berfungsi kelak, sistem itu bakal dilengkapi keupayaan biometrik yang tinggi dan sekali gus dapat mengatasi kelemahan sedia ada.

Katanya, kerajaan telah membuka tawaran tender kepada beberapa syarikat yang berminat untuk membangunkan sistem baharu tersebut.

“Ini merupakan antara perancangan kerajaan untuk memastikan pergerakan keluar masuk negara khususnya di pintu sempadan ke Singapura berjalan lancar.

“NIISE itu nanti bukan sahaja akan mengesan pergerakan keluar masuk warga asing malah mampu mengesan tujuan mereka masuk sama ada untuk bekerja atau sebaliknya,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas mengadakan lawatan rasmi ke Kompleks Imigresen, Kastam dan Kuarantin (CIQ), Bangunan Sultan Iskandar (BSI).

Dalam masa sama, Hamzah memaklumkan, selain itu kera-



HAMZAH Zainudin bersama pegawai imigresen ketika mengadakan lawatan rasmi ke Kompleks Imigresen, Kastam dan Kuarantin (CIQ), Bangunan Sultan Iskandar (BSI), Johor Bahru, semalam.

jaan akan menambah jumlah kaunter pemeriksaan kira-kira kepada 40 buah di BSI bagi mempercepatkan pergerakan keluar masuk rakyat Malaysia.

Katanya, langkah itu secara langsung dapat mengatasi kesesakan di Tambak Johor kerana laluan itu dilalui lebih 400,000 orang pada setiap hari.

“Kerajaan merancang membina jalan kaki berbumbung di Tambak Johor sebagai laluan alternatif berbanding menggunakan kenderaan.

“Insya-Allah kesemua perkara ini cuba dilaksanakan sebelum pintu sempadan dibuka sepenuhnya kelak,” katanya.

Pintu sempadan antara Ma-

laysia-Singapura telah ditutup sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan Mac lalu.

Namun kerajaan melonggarkan pembukaan pintu sempadan membabitkan kemudahan Laluan Hijau Timbal Balik (RGL) dan Peraturan Ulang Alik Berkala (PCA) pada 17 Ogos.